

30 AUG 1998

AGONG HADIRI MAJLIS SANTAPAN NEGERI (Bergambar)

PULAU PINANG, 30 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah malam ini diraikan pada satu majlis santapan negeri sempena menyambut Hari Kebangsaan ke-41 di sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dan isteri Toh Puan Siti Zainab Baharuddin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Puan Sri Chui Kah Peng serta Menteri-menteri kabinet dan barisan Exco Kerajaan Negeri serta duta-duta asing turut hadir pada majlis itu.

Majlis itu diserikan dengan persembahan Malam Kemesraan Pulau Mutiara oleh artis-artis tempatan.

Perdana Menteri dan semua jemaah menteri kemudian dijadualkan menghadiri acara menyambut ulangtahun kemerdekaan itu di Esplanade malam ini.

Seri Paduka berdua pula akan menyertai rakyat jelata menyaksikan upacara perbarisan dan acara padang sempena sambutan Hari Kebangsaan di Universiti Sains Malaysia (USM), pagi esok.

-- BERNAMA

AA NAK